

Dr. M gesa rakyat tolong diri sendiri

PULAU PINANG, Sabtu — Kerajaan tidak akan mengamalkan sikap membekalkan wang ke kocek rakyat tanpa usaha mereka sendiri kerana perbuatan seperti itu hanya akan meluhurkan mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini.

Bellau berkata, jika sikap seperti itu berlaku kita akan menjadi manusia yang tidak berdaya dan lumpuh.

Datuk Seri Dr Mahathir mahukan rakyat mengubah sikap supaya mereka dapat menolong diri sendiri.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika berucap dalam perhimpunan ahli-ahli Umno Bahagian Balik

Pulau di Sekolah Kebangsaan Sungai Ara, 10 km dari sini.

Kerajaan, tegas bellau, telah berjaya mewujudkan persekitaran yang membolehkan rakyat mendapat nikmat.

Langkah kerajaan seperti mewujudkan klinik-klinik dan sekolah-sekolah bertujuan memberi nikmat kepada mereka.

"Tetapi jika rakyat tidak menggunakan kemudahan itu, sia-sialah kemudahan yang disediakan oleh kerajaan," ujarnya.

Nikmat

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, tidak ada seorang pun rakyat yang dapat menafikan bahawa mereka telah menerima nikmat hasil dari perjuangan Umno.

Bagaimanapun, katanya, rakyat janganlah hanya bergantung kepada bantuan kerajaan tanpa daya usaha sendiri.

Perdana Menteri juga menyelar pihak yang sengaja menimbulkan masalah untuk menghalang usaha kerajaan membangunkan rakyat.

Bellau mendedahkan, pihak ini telah menyebarkan gambar-gambar pemimpin sebuah negara yang kononnya telah berjaya menggulingkan seorang raja menerusi revolusi Islam.

"Kita sedang memerhatikan gerakan ini. Jika terlalu melanggar batas, tindakan tegas akan diambil," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia